


16 - 31 JULAI, 2023

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# 'Beacon Of Hope'

## abadikan pengorbanan Bomba kepada masyarakat




MURAL *'Beacon Of Hope'* yang diabadikan.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN** - Pengorbanan dan komitmen pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) diabadikan menerusi sebuah lukisan mural pada dinding bersebelahan lorong Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa beliau juga berasa amat terharu apabila difahamkan bahawa anggota bomba yang terkorban semasa menjalankan tugas pengoperasian dan penyelamatan turut diabadikan menerusi lukisan berkaitan.

"Justeru, saya berharap lukisan serta inisiatif ini khasnya dapat menjadi pembakar semangat kepada anggota bomba lain untuk terus memberikan perkhidmatan lebih cemerlang kepada komuniti sekali gus kisah pengorbanan mereka juga dapat disampaikan kepada masyarakat umum khususnya mereka yang datang berkunjung di sini.

"Serentak itu, meskipun penghasilan mural ini memerlukan kos, masa dan ketelitian yang tinggi, namun saya percaya ia bukan satu usaha yang sia-sia kerana ia akan memberikan impak positif kepada aspek pelancongan dan apresiasi seni di negeri ini," ujarnya ketika merasmikan mural *'Beacon Of Hope'* pada 5 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota; Daniel Gooi Zi Sen; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran; Pengarah JBPM Pulau Pinang, Saadon Moktar; Timbalan Pengarah JBPM Pulau Pinang, Ts. Zulfahmi Sutahi; Ketua Pegawai Eksekutif The Learning Kingdom Education, Dr. Lee Eng Wah dan pelukis mural *'Beacon Of Hope'*, Tam Yaw Thyn.

Kon Yeow dalam pada itu turut memuji inisiatif *The Learning Kingdom Education* yang telah menggerakkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) berkenaan.

Tambah beliau, usaha serupa sepatutnya dijadikan contoh kepada organisasi atau badan bukan kerajaan (NGO) lain untuk mengambil langkah bagi meneruskan inisiatif yang cukup murni tersebut sekali gus mencungkil bakat serta kreativiti anak-anak Pulau Pinang.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini mengajak dan menyeru kepada semua untuk bersama-sama menjaga dan menghargai keindahan seni ini sekali gus menjadikan mural *'Beacon of Hope'* sebagai simbol perpaduan, solidariti serta harapan kepada semua penduduk Pulau Pinang.

"Mengimbau sejarah, sebenarnya banyak agensi perkhidmatan awam bermula di Pulau Pinang seperti pasukan polis yang sudah berusia lebih 200 tahun, perkhidmatan pos, elektrik, pembentungan yang mana dahulunya terletak di bahu perkhidmatan Majlis Bandaraya.

"Setelah merdeka, semua perkhidmatan ini dipusatkan kepada agensi Persekutuan maka Majlis boleh memusatkan kepada kerja-kerja perbandaran, dan ini menjadikan perkhidmatan lebih efisien dan membantu daripada segi ekonomi," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota.

Pada majlis sama, Saadon membawa Kon Yeow melawat mural sepanjang 100 meter yang memaparkan beberapa sejarah JBPM dalam pelbagai operasi menyelamat di Malaysia termasuk wira-wira yang terkorban semasa bertugas.




**KETUA Menteri sambil diiringi Saadon Moktar (kiri sekali) pada majlis perasmian lukisan mural berkaitan pada dinding bersebelahan lorong Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai di sini baru-baru ini.**

# Pusat Transit Gelandangan

## projek pemerkasaan pembangunan sosial rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri mara setapak lagi ke depan dalam usaha memperkasa pembangunan sosial rakyat dengan melancarkan operasi pembukaan Pusat Transit Gelandangan Pulau Pinang, Jalan C. Y. Choy di sini pada 16 Jun lalu.

Semasa merasmikan majlis tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap pembukaan pusat itu dengan penglibatan pelbagai pihak akan menjadi projek perintis kepada projek-projek pemerkasaan pembangunan sosial rakyat lain pada masa hadapan di negeri ini.

"Saya percaya dengan wujudnya pusat ini, ia tidak akan menyelesaikan semua masalah sosial yang melibatkan gelandangan, tetapi suatu permulaan untuk memperkasakan hidup golongan gelandangan ke tahap lebih berkualiti," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah dan Ekonomi dan Komunikasi dalam majlis tersebut.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini memperuntukkan sejumlah RM4.4 juta bagi merealisasikan 'pusat transit gelandangan pertama negeri'.

Tambah beliau, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula menyumbang sebidang tanah berkeluasan 1,370 meter persegi yang mempunyai seunit rumah kedai telah diisytiharkan sebagai bangunan warisan Kategori 2 untuk tapak pembangunan projek tersebut.

Berucap sebelum itu, Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh menyatakan bahawa Kerajaan Negeri bersama-sama Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sejak tahun 2016 telah berusaha merealisasikan projek pembangunan Pusat Transit Gelandangan Pulau Pinang, namun tertangguh seketika dek pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama kira-kira dua tahun sejak 2020.

"Setelah kita berjaya mengadakan program *Penang Food Bank* bagi mengagihkan makanan berkualiti kepada rakyat yang memerlukan, saya berharap dengan wujudnya pusat transit gelandangan ini, ia akan terus memperkasa pembangunan sosial rakyat di sini," ujarnya sambil memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui JKM akan menjadi operator bagi pusat gelandangan ini.

Mengulas lanjut, Boon Poh yang juga ADUN Sungai Puyu memberitahu bahawa ketika ini, Pusat Transit Gelandangan Pulau Pinang dilengkapi pelbagai kemudahan, antaranya ruang pejabat, bengkel dan seminar, ruang asrama lelaki (60 katil) dan wanita (18 katil), kafeteria, surau, ruang jemuran, *'yard'*, bilik mandi dan tandas serta ruang riadah.

Buletin Mutiara difahamkan, Pusat Transit Gelandangan Pulau Pinang dibina dengan konsep *'triple net zero'* iaitu *zero waste, zero energy* dan *zero water*.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar; ADUN Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri dan beberapa ADUN lain.

Bercakap dalam sidang media selepas itu, Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya mengalu-alukan semua yang mempunyai kepakaran untuk bersama-sama membangunkan semula potensi gelombang gelandangan di pusat transit gelandangan di sini.

Menjawab soalan pemberita, Boon Poh menyatakan bahawa seseorang gelandangan boleh menghuni maksimum 14 hari untuk menerima perkhidmatan rutin berwajib daripada kakitangan JKM negeri di sini.



CHOW Kon Yeow dan Phee Boon Poh meneliti kemudahan bilik tidur yang disediakan di Pusat Transit Gelandangan di sini baru-baru ini.



**PEMANDANGAN bahagian atas Pusat Transit Gelandangan yang ditanam dengan pokok hiasan di sudut hijau.**

**PUSAT Transit Gelandangan di Jalan C.Y Choy diharap mampu mengurangkan isu melibatkan gelandangan sekitar George Town di samping mengurangkan impak sosial terhadap masyarakat.**






Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Pakej 2 Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu berjalan ikut jadual

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**SERI DELIMA -** Projek Pakej 2 Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Air Itam berjalan mengikut jadual dengan tahap kemajuan fizikal mencapai 35.14 peratus, setakat 10 Jun 2023.

Menurut Pengarah Projek, Nasfiza Mokhtar dari Jabatan Kerja Raya (JKR), walaupun tahap kemajuan projek berkenaan ketinggalan kira-kira dua peratus, namun masih mengikut jadual dan tarikh penyiapan projek kekal pada 31 Januari 2025.

"Pihak kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak berkuasa dan semua yang terlibat atas kerjasama yang tidak berbelah-bahagi.

"Kebanyakan urusan pengambilan tanah telahpun diselesaikan dan berharap dapat menangani baki tidak lama lagi.

"Begitu juga dengan cabaran berkaitan utiliti juga berjaya diuruskan," ujarnya yang kini bersama *Penang Infrastructure Corporation* (PIC) pada sesi taklimat di sini 10 Jun lalu.

Taklimat tersebut kemudiannya disusuli dengan lawatan tapak yang juga disertai oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari.

Difahamkan, Pakej 2 Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Air Itam adalah sepanjang 5.7 kilometer dan merupakan salah satu komponen Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dengan kos sebanyak RM851.04 juta

Terbahagi kepada enam seksyen yang mana Seksyen 1 membabitkan Lebuhraya Thean Teik dengan pemasangan cerucuk bagi jejambat yang akan bersambung ke jajaran utama Pakej 2.

Di bawah Pakej 2 ini juga terdapat tiga persimpangan iaitu Lebuhraya Thean Teik, Jalan Bukit Gambir - Jalan Sultan Azlan Shah dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.



TEROWONG yang kini dalam pembinaan.


TIANG jejambat bagi Projek Pakej 2 Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Air Itam sedang disiapkan sebagai salah satu skop projek menyuraikan kesesakan lalu lintas di kawasan berkaitan.

Kontraktor projek pula adalah Consortium Zenith Construction (CZC) Sdn. Bhd. manakala PIC adalah agensi pelaksana.

Dalam pada itu, Kon Yeow ketika ditemui memaklumkan bahawa terdapat dua terowong berkembar dibina sepanjang jajaran Pakej 2.

"Pada mulanya ada tiga, tetapi selepas semakan akan ada dua terowong berkembar yang mana setiap terowong adalah kira-kira 300 meter hingga 400 meter panjang.

"(Dan) hanya kira-kira 600 meter antara kedua-dua terowong tersebut," respons beliau terhadap pertanyaan wartawan selepas lawatan tapak berkenaan.

Terdahulu, ketika berucap, Kon Yeow berkata bahawa lawatan tapak tersebut telah membantunya untuk memahami pelaksanaan projek dengan lebih baik.

"Dahulu, saya dan Dato' Lim Hock Seng (kini Ketua Pengangkutan Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri) membantah cadangan Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) kerana ia akan membebankan rakyat dengan tol.

"Hari ini, Kerajaan Negeri dapat melaksanakan Pakej 2 ini tanpa mengenakan sebarang tol kepada pengguna dan bakal menjadi lebuh raya bebas tol yang menghubungkan Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

"Hal ini, membuktikan bahawa Kerajaan Negeri komited dalam menangani isu kesesakan lalu lintas di negeri ini," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi.

Setelah siap kelak, masa perjalanan dapat dikurangkan dengan anggaran daripada 40 minit kepada lima minit.

## Fokus enam keutamaan perkasakan lagi Pulau Pinang untuk lima tahun akan datang

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri pimpinan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bersedia memperkasakan lagi pembangunan serta pencapaian negeri Pulau Pinang kini menerusi enam keutamaan yang bakal diberikan perhatian untuk tempoh lima tahun akan datang.

Menurut beliau, antaranya adalah peluang pekerjaan, jaringan pengangkutan, menambah baik aliran trafik, inisiatif dalam mengatasi isu perubahan iklim, krisis bekalan air dan pembangunan komuniti termasuk belia, wanita serta warga emas.

"Sekiranya diberi mandat dan peluang untuk memerintah Pulau Pinang dalam tempoh lima tahun akan datang, Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan kepada menjana ekonomi dan mencipta peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan elektrik dan elektronik (E&E), *Integrated Circuit (IC) Design*, teknologi perubatan, *Digital District* dan ekonomi baru.

"Kedua, pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang mana projek keutamaan adalah projek Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas dan juga merealisasikan projek *'Silicon Island'*, *Penang South Island (PSI)*; Ketiga, menambah baik aliran trafik serta penyelesaian mobiliti pengangkutan awam dan menuntut peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan lebuh raya bertingkat atau Juru - *Sungai Dua Expressway*.

"Selanjutnya adalah pendekatan mengatasi isu perubahan iklim dengan projek-projek tebatan banjir, bandar rendah karbon dan kemudahan kenderaan elektrik (EV); Kelima adalah melaksanakan Pelan Kontigensi Air 2030 bagi memastikan krisis air tidak berulang di Pulau Pinang dan terakhir adalah memperkasakan rakyat dan memberi tumpuan kepada pembangunan komuniti, belia, wanita serta warga emas," ujarnya pada Majlis Anugerah Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Tahun 2023 di sini 26 Mei lalu.

Hadir sama, barisan kepimpinan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran, ketua-ketua jabatan negeri dan juga Persekutuan.

Pada majlis sama, Kon Yeow turut mengumumkan nama baharu bagi projek tambakan laut berhampiran persiaran Gurney iaitu *Gurney Bay*.

"Projek *Gurney Bay* Fasa 1 yang melibatkan beberapa komponen seperti taman permainan kanak-kanak dan kawasan hijau *promenade* juga bakal disiapkan pada Julai 2023 yang bakal menjadi satu lagi tarikan pelancongan di negeri ini.

"Kini, projek tersebut juga semakin hampir siap, dan terdapat pandangan bahawa di lokasi berkaitan memang tidak ada *wharf* iaitu tempat pelabuhan bot-bot untuk naik. Maka hasil daripada soal selidik atas talian yang dibuat memutuskan penggunaan nama *Gurney Bay*," katanya yang juga ADUN Padang Kota.

Pada majlis berkaitan juga, Kon Yeow turut menghuraikan pencapaian-pencapaian serta kepelbagaian inisiatif yang sama ada dilaksanakan serta dicadangkan menerusi gagasan Visi Penang2023.

Mengambil kesempatan berkaitan juga, beliau turut merakamkan ucapan penghargaan kepada segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan oleh barisan penjawat awam negeri ini.

"Saya percaya dengan komitmen serta semangat tinggi yang ditunjukkan oleh penjawat awam, cabaran hebat menguruskan negeri tercinta ini dapat dilaksanakan dengan baik dan dasar-dasar yang dirangka dapat dilaksanakan dengan berkesan,'' ulasnya lanjut.

# **Kota Cornwallis** contoh tapak warisan nilai tinggi, bertaraf antarabangsa

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Projek Penyediaan Semula dan Konservasi Parit Kubu (Moat) di Kota Cornwallis dengan kos bernilai RM15.3 juta dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa komponen pertama projek tersebut adalah untuk mengembalikan semula parit kubu (moat) berbentuk 'L' yang menjadi mercu tanda dan benteng kubu semasa zaman kemegahannya di era British pada 1804.

"Anggaran kelebaran parit kubu yang mengelilingi Kota Cornwallis adalah sekitar 9 hingga 20 meter dan dibina menggunakan batuan granit serta bata.

"Parit kubu ini akan diisi dengan air, lengkap bersama-sama sistem penapisan yang akan menjamin kebersihan kawasan ini," ujarnya pada majlis pecah tanah projek berkaitan di sini pada 18 Jun 2023.

Menurut Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah, komponen kedua bagi projek tersebut adalah melibatkan pembangunan semula Astaka Kota Selera untuk dijadikan medan selera yang lebih berkualiti dengan reka bentuk moden serta mampan.

"Medan selera ini lengkap dengan 26 gerai yang mana penggerai sedia ada akan ditempatkan di lokasi sementara (dalam tempoh pembinaan) iaitu di kawasan taman permainan bersebelahan padang bagi menjamin kelangsungan aktiviti perniagaan medan selera ini.

"Kesemua komponen ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025," ulasnya lanjut.

Difahamkan, Perunding YAA Sdn. Bhd. dilantik sebagai perunding utama dan kontraktor utama iaitu Jayamas Property Construction Sdn. Bhd. dilantik untuk pembangunan projek berkenaan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa pihak *George Town Conservation and Development Corporation* (GTCDC) bersama-sama barisan perunding dari dalam dan luar negara yang dilantik akan melaksanakan projek penyediaan mini galeri di 'storeroom', Kota Cornwallis.

"Sebanyak 10 '*storeroom*' yang akan mempersembahkan kebudayaan berbeza mengikut garis masa dan dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2024.

"Khas untuk projek ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM1.5 juta dan pada masa sama, Kerajaan Negeri bersama-sama GTCDC juga sedang dalam perancangan untuk menaik taraf *East Seafront* dari Jeti Swettenham ke Tanjung City Marina.



CHOW Kon Yeow bersama pihak berkepentingan sempat merakam gambar kenangan di salah satu skop Projek Moat dekat Kota Coranwallis baru-baru ini.

"Manakala projek Penang Bay akan menghubungkan pembangunan '*waterfront*' di Butterworth dengan pembangunan *North Seafront dan East Seafront* (di bahagian pulau)," jelasnya sambil mengharapkan kesemua projek pembangunan yang dirancang itu berjalan lancar dan siap mengikut garis masa ditetapkan.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Komunikasi menzahirkan penghargaan atas kerjasama dan komitmen serta dedikasi yang dicurahkan semua pihak dalam menjayakan projek tersebut.

"Saya yakin dengan ikatan kerjasama ini, tidak lama lagi kita akan melihat pembangunan keseluruhan Kota Cornwallis yang boleh dijadikan contoh sebagai tapak warisan yang berjaya memaksimumkan aset kebudayaan warisan bernilai tinggi serta bertaraf antarabangsa.

"Hal ini, sekali gus mampu meningkatkan pembangunan serta kemampanan sosio ekonomi negeri dengan pengekalan nilai-nilai sejarah, kelestarian alam sekitar serta mewujudkan ruang awam yang selesa, mampan dan inklusif untuk semua," katanya.

Terdahulu, ketika berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota itu menyorot kembali perjalanan selama 15 tahun setelah George Town dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Di bawah Pelan Induk Strategik George Town, terdapat sebanyak 14 projek utama dengan kos keseluruhan sebanyak RM140 juta yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui CMI, MBPP dan Think City Sdn. Bhd..

Sebanyak 10 projek telah disiapkan antaranya, projek tembok laut Padang Kota berjumlah, menaik taraf padang, menaik taraf susur pejalan kaki di Lebuh Light dan menaik taraf Menara Jam Queen Victoria.

Manakala projek yang sedang dilaksanakan merangkumi penyediaan pameran di '*storeroom*' Kota Cornwallis, penyediaan semula parit kubu dan projek '*linear garden*'.

Kesemua projek ini diterajui oleh GTCDC selaku agensi usaha sama dengan Think City Sdn. Bhd. dan CMI serta bantuan kepakaran daripada konsultan antarabangsa, *The Aga Khan Trust for Culture* (AKTC).



ANTARA landskap Projek Penyediaan Semula dan Konservasi Parit Kubu yang dijangka menjadi tarikan umum apabila siap kelak.

## Fasiliti berkualiti demi selesa pelajar

**AIR ITAM –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memuji komitmen tinggi pihak pengurusan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang dalam menyediakan fasiliti asrama yang kondusif dan selesa kepada para pelajar.

Menurut beliau, KITAB sentiasa berusaha menaik taraf fasiliti sedia ada bagi memastikan pelajar di luar kampus tidak perlu berpindah-randah lagi di sekitar kawasan George Town.

"Lantaran itu, KITAB telah menunjukkan nilai kepentingan penawaran pendidikan bermutu tinggi seiring dengan penyediaan fasiliti yang turut mempunyai kualiti demi keselesaan warganya.

"Oleh itu, diharapkan dengan penyediaan asrama baharu ini, KITAB akan menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi Islam pilihan di negeri ini dalam melahirkan 'Ulul Albab'," katanya yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) pada Majlis Pelancaran Projek Pembinaan Asrama KITAB Pulau Pinang di sini 30 Mei lalu.

Pelancaran majlis tersebut disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dan turut diserikan dengan kehadiran Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Timbalan Yang Dipertua MAINPP, Dato' Dr. Roslan Ahmad serta Rektor merangkap Ketua Eksekutif KITAB, Prof. Dato. Dr. Mohamad Abdul Hamid.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin turut memaklumkan bahawa menerusi mesyuarat MAINPP, dana lebihan Zakat Pulau Pinang telah diperuntuk untuk merealisasikan usaha berkaitan.

"MAINPP telah meluluskan pembelian empat unit rumah teres tiga tingkat di Jalan Thean Teik bernilai RM7.15 juta serta pembinaan bangunan asrama baharu KITAB berjumlah sebanyak RM10 juta yang mampu menempatkan seramai 120 pelajar," jelasnya lanjut.

# Inovasi SnET 2.0 SK Seri Permai diiktiraf dunia

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**BATU MAUNG -** Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Permai yang terpilih antara 10 sekolah terbaik dunia dalam pertandingan *World Best School Prizes* (WBSP) menerima sumbangan peruntukan RM160,000 bagi tujuan naik taraf kemudahan institusi pendidikan berkaitan.

Perkara tersebut diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin yang mana masing-masing bakal menyalurkan peruntukan berjumlah RM80,000.

Dalam pertandingan WBSP itu, SK Seri Permai diumumkan sebagai antara 10 sekolah terbaik dunia melalui projek inovasi *Smart n Easy Table 2.0* (SnET 2.0) iaitu implimentasi dan solusi bagi menangani isu beg berat murid sekolah di Malaysia dan juga dunia.

"Guru besar (Mohammad Sabarullah Shaik Ismail) pun sudah membangkitkan isu (kemudahan dewan serta ruang menunggu) dan mendapat perhatian Ahli Parlimen yang turut memaklumkan kepada saya untuk memberikan peruntukan sebanyak RM80,000.

"Oleh itu, saya juga mengambil kesempatan ini mengumumkan untuk menyahut keperluan SK Seri Permai dengan mengumumkan peruntukan sejumlah RM80,000," ujarnya pada Majlis Meraikan Kejayaan SK Seri Permai Tersenarai Antara 10 Sekolah Terbaik Dunia Menerusi Pertandingan WBSP di sini 24 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain; Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; Ketua Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Barat Daya, Shamsul Fairuz Mohd. Nor; Mohammad Sabarullah dan barisan guru SK Seri Permai.

Kon Yeow dalam pada itu menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada Mohammad Sabarullah, barisan penolong kanan, jawatankuasa kerja dan seluruh warga sekolah berkaitan yang bekerja keras dan bertungkus lumus menjayakan projek SnET 2.0 sehingga terpilih sebagai 10 sekolah terbaik dunia meskipun terhambat dengan tugasan-tugasan lain.



**KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan pendidik seusai Majlis Meraikan Kejayaan SK Seri Permai Tersenarai Antara 10 Sekolah Terbaik Dunia Menerusi Pertandingan WBSP di sini baru-baru ini.**

"Ini merupakan satu masalah yang sudah dihadapi berpuluh-puluh tahun yang mana setiap tahun, kita akan baca dalam media bahawa terdapat usaha untuk menangani isu ini, tetapi usaha-usaha sebelum ini mungkin belum sempurna.

"Justeru, saya berharap projek inovasi hasil kolaborasi beberapa pihak yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa ini akan menuju ke pencapaian yang lebih cemerlang iaitu *'top 3'* dan pada penghujung tahun akan dipilih sebagai nombor satu dalam dunia," serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.



# Sedia pendidikan awal berkualiti dan selamat

**GEORGE TOWN -** Dalam memberi galakan terhadap pembinaan taman asuhan (TASKA) dan pusat jagaan kanak-kanak di negeri ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil pendekatan dengan memperkenalkan tiga inisiatif kepada para pengusaha berkaitan.

Exco Pembangunan Sosial dan Pembangunan Bukan Islam, Chong Eng berkata, inisiatif tersebut bukan sahaja bagi memastikan penjagaan awal kanak-kanak yang holistik bahkan juga membantu golongan ibu dan bapa bekerja untuk menempatkan anak-anak mereka di tempat selamat.

"Usaha ini juga membolehkan lebih ramai golongan wanita untuk keluar bekerja dan menyumbang tenaga serta kemahiran secara produktif tanpa perlu rasa bimbang.

"Malah, ia (inisiatif) merupakan peluang untuk semua kanak-kanak mendapatkan pendidikan awal berkualiti dan selamat," ujarnya pada Majlis Penyerahan Geran Penubuhan, Geran Naik Taraf dan Skim Bantuan Asuhan dan Didikan Kanak-Kanak di sini pada 7 Jun 2023.

Hadir sama, Shahrin Nizar Aizudin mewakili Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang dan Anas Salimi Ghazali dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP).

Mengulas lanjut, Chong Eng memaklumkan bahawa berdasarkan kajian oleh Institut Penyelidikan Khazanah mengenai trend penglibatan tenaga kerja mendapati kurangnya penglibatan wanita disebabkan oleh tanggungjawab dalam penjagaan anak.

"Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia juga menunjukkan jumlah tenaga kerja wanita dalam negara pada suku keempat tahun 2020 berkurangan berbanding tahun sebelumnya iaitu dari 6.18 juta kepada 6.16 juta pekerja.

"(Sehubungan itu), Kerajaan Negeri sentiasa memberi galakan termasuk insentif dalam membantu mengembangkan perusahaan TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak di negeri ini," katanya.

Menurut Chong Eng, selain pembinaan baharu TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak, Kerajaan Negeri turut mahu memperkasakan lagi keupayaan serta pengurusan premis serta mengutamakan aspek pendidikan awal kanak-kanak di negeri ini.

"Walaupun bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi demi anak-anak Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) berhasrat membantu untuk melatih penjaga di taman-taman asuhan dan pusat-pusat jagaan di sini pada masa depan.

"Selain itu, kita juga akan teruskan pemberian bantuan pengasuhan dan didikan serta pemberian geran (yang mana) tahun ini merupakan tahun ketiga diadakan melibatkan pelaburan sebanyak RM846,200 yang memanfaatkan 592 kanak-kanak di 124 TASKA, pusat jagaan kanak-kanak dan Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA).

"Inisiatif Kerajaan Negeri ini juga akan membuka peluang kepada semua kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan awal yang berkualiti selaras dengan Visi Penang2030 yang memberi penekanan terhadap pembangunan keluarga dalam sebuah negeri pintar dan hijau.

"Saya berharap dengan pemberian ini akan memberi dorongan kepada pengusaha TASKA, TADIKA dan pusat jagaan kanak-kanak untuk memantapkan lagi perkhidmatan sosial sekali gus memastikan kesaksamaan dalam pendidikan sentiasa terjamin," jelasnya.

Pada majlis itu, Chong Eng menyerahkan Geran Penubuhan TASKA dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak Baharu kepada tujuh pengusaha dengan peruntukan sebanyak RM219,000 yang mana Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan RM300,000 setahun.

Selain itu, beliau juga menyerahkan Geran Naik Taraf TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak kepada 11 pengusaha yang berjaya membuat permohonan dengan peruntukan berjumlah RM166,000.



**CHONG Eng merakam gambar kenangan bersama salah seorang penerima sejurus Majlis Penyerahan Geran Penubuhan, Geran Naik Taraf dan Skim Bantuan Asuhan dan Didikan Kanak-Kanak di sini baru-baru ini.**

Bagi kategori tersebut, Kerajaan Negeri menyediakan sebanyak RM300,000 setahun dengan had nilai adalah RM20,000 bagi setiap permohonan.

Manakala, bagi Skim Bantuan Asuhan dan Didikan Kanak-Kanak pula, seramai 68 kanak-kanak dari 26 TASKA menerima RM600 setahun atau RM50 sebulan termasuk 524 kanak-kanak dari 80 TADIKA. Skim berkaitan menyediakan bantuan subsidi yuran kepada kanak-kanak dari keluarga yang berpendapatan bulanan di bawah RM4,894 di premis asuhan dan didikan kanak-kanak berdaftar di negeri ini.

1 CITY

LOT KOMERSIAL 2 TINGKAT

LOKASI YANG STRATEGIK
1-CITY terletak di kawasan strategik berhampiran menuju Highway Utara-Selatan (PLUS) dan kawasan industri serta dijalinkan dengan bandar besar seperti Bukit Mertajam, Butterworth dan Kulim.



HAKMILIK KEKAL
5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

LOT KOMERSIAL 2 TINGKAT

Harga Jualan:
RM780,000 (Min.)~RM1,588,000 (Mak.)

Luas Tanah:
1380kps (Min.)~2848kps (Mak.)

Luas Binaan:
2563kps (Min.)~4709kps (Mak.)




GPS: 5°18'42.394"N 100°26'28.643"E

PEMAJU:
PARAMOUNT GARDEN

PARAMOUNT GARDEN SDN. BHD. 1149658-D
1797-1-8, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan Juru Interchange, 13600 Prai, Penang.
T 604-507 8980/507 8981 E loyal188@gmail.com

• Jumlah unit:42 unit • No. kelulusan pelan bangunan: MPSP/40/20-43/42 • Tarikh dijangka siap: Sep 2022 • Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: MPSP • Semua pelan, spesifikasi, ukuran dan informasi yang tertera di sini adalah tertakluk kepada variasi, perubahan dan gantian seperti mana yang dicadangkan oleh pihak berkuasa atau konsultant-konsultant project tanpa notis. Segala gambaran yang tercetak di sini adalah ilustrasi artis sahaja. *Tertakluk kepada syarat-syarat

# Ebara pilih BKIP kembangkan fasiliti pembuatan baharu

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



IR. A. Rajendran (berjubah biru) menerima jambangan bunga daripada Ahli-ahli Majlis MBPP sejurus istiadat mengangkat sumpah sebagai Datuk Bandar MBPP dekat Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

**BATU KAWAN -** Peneraju industri semikonduktor yang berpangkalan di Jepun, Ebara Corporation menerusi anak syarikatnya, Ebara Precision Machinery (M) Sdn. Bhd. (Ebara) melabur sebanyak RM30.4 juta bagi mengembangkan fasiliti pembuatannya yang baharu di sini.

Pengarah Urusan Ebara, Takashi Sugiyama berkata bahawa fasiliti termoden pertama syarikat itu di negara ini terletak di Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) dan akan menawarkan produk nilai tambah bagi memenuhi permintaan pasaran.

"Kami (Ebara) memilih Batu Kawan kerana lokasinya yang strategik dan berdekatan dengan rantaian bekalan yang melibatkan pelanggan serta pembekal kami.

"Selain itu, kami juga menawarkan perkhidmatan berkualiti untuk pelbagai keperluan terutama dalam industri semikonduktor, diod pancaran cahaya dan elektronik.

"Fasiliti di sini juga akan memudahkan jualan dan pemasaran selain pemasangan, servis, sokongan pam vakum kering Ebara serta lain-lain perkhidmatan peralatan berkaitan," katanya pada sidang media sejurus perasmian tersebut di sini 13 Jun 2023.

Sementara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir menyempurnakan pembukaan fasiliti tersebut menyatakan bahawa kehadiran syarikat tersebut di sini pasti memberi manfaat bukan sahaja kepada negeri malahan warga tempatan.

"Ini termasuk mewujudkan 100 peluang pekerjaan baharu serta menggalakkan kerjasama dan perkongsian pengetahuan yang pastinya menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi negeri di samping meningkatkan daya saing pada peringkat global.

"Pulau Pinang sememangnya berbangga apabila dipilih oleh Ebara sekali gus menandakan keyakinan rakan kongsi dari Jepun terhadap ekosistem perindustrian negeri ini yang mempunyai kapasiti serta keupayaan menyokong keperluan pemain industri dalam teknologi dan strategi pertumbuhan masa depan.

"Saya optimis bahawa Ebara akan meraih pelbagai manfaat di Lembah Silikon di Timur," ujarnya sambil memberi jaminan bahawa Pulau Pinang sentiasa memberi penekanan terhadap kemampanan dan kelestarian selaras dengan matlamat ESG iaitu alam sekitar, keterangkuman sosial serta tadbir urus beretika.

Ebara merupakan pengeluar global terkemuka bagi sistem vakum dan semikonduktor yang digunakan dalam pengeluaran wafer, kristal cecair, sel solar dan lain-lain produk berteknologi tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian dan Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Pulau Pinang, Muhammad Ghaddaffi Sardar Mohamed antara yang turut sama pada majlis berkaitan.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahli Parlimen Batu Kawan itu berkata, tahun lalu Pulau Pinang berjaya merekodkan RM13.7 bilion dalam pelaburan pembuatan yang diluluskan.

"Pelaburan langsung asing (FDI) direkodkan sebanyak RM9.7 bilion atau 71 peratus daripada aliran masuk pelaburan pembuatan ke negeri ini bagi tahun 2022.

"Selain muncul sebagai penyumbang kedua terbesar negara menerusi pelaburan pembuatan diluluskan bagi suku pertama tahun ini, sebanyak RM3.3 bilion dicatatkan antara Januari hingga Mac 2023.

"Jumlah ini merangkumi 35 projek pembuatan diluluskan dengan anggaran mewujudkan 2,217 peluang pekerjaan baharu di negeri ini," jelasnya.




Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

# A. Rajendran

## Datuk Bandar MBPP baharu



**RAKAMAN gambar kenangan pada Majlis Lafaz Ikrar Penerimaan Jawatan Datuk bandar MBPP baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** A. Rajendran baru-baru ini dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ke-4 ekoran persaraan wajib Dato' Ar. Yew Tung Seang pada 5 Mei lepas.

Mantan Setiausaha Bandaraya itu melafazkan ikrar terimaan jawatan Datuk Bandar MBPP di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di Dewan Bandaraya pada 9 Mei 2023.

Turut menyaksikan majlis penuh istiadat tersebut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar; barisan Exco Kerajaan Negeri serta beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen Pulau Pinang.

Semasa berucap, Kon Yeow berpendapat bahawa beliau yakin dengan pengalaman serta kebolehan Rajendran untuk menerajui MBPP sebagai sebuah organisasi mesra kepada semua pemegang taruh di kawasan pentadbiran bandar raya tersebut.

"Dato' Ir. Rajendran telah memaklumkan mengenai Transformasi Digital yang telah dirancang oleh MBPP dengan memberi impak besar kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan MBPP.

"Saya amat berharap dengan projek berimpak tinggi ini, ia mampu melonjakkan Pulau Pinang pada kedudukan terbaik dunia dalam senarai lokasi pelaburan kompetitif," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan sambil merakamkan penghargaan atas perkhidmatan Tung Seang sebelum ini.

Kata Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi itu lagi, beliau berharap pentadbiran Rajendran dapat terus membawa Pulau Pinang sebagai bandar raya bertaraf antarabangsa berlandaskan Visi Penang2030 dengan tema Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara; sungguhpun corak pentadbiran Datuk Bandar MBPP ke-4 berkenaan mungkin berbeza dengan era sebelumnya.

Manakala, Jagdeep dalam ucapannya turut menyeru semua Ahli Majlis MBPP supaya terus memberi sokongan kepada pentadbiran Rajendran sebagaimana yang telah diberikan kepada pentadbiran Tung Seang sebelum ini.

"Kejayaan tidak boleh dicapai melainkan jika kerja berjaya dibuat secara berpasukan.

"Kalau beban begitu berat di atas bahu saya, saya percaya beban lebih berat lagi di atas bahu Datuk Bandar MBPP baharu ini.

"Justeru, saya berharap semua Ahli Majlis dapat memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Dato' Ir. Rajendran," serunya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Berucap selepas itu, Rajendran berkata bahawa MBPP sehingga kini mengikuti perkembangan arus evolusi digital serta memberi impak yang positif kepada corak pengurusan dan pentadbiran bandar raya ini.

Menurut beliau, sebanyak 112 urusan pembayar cukai MBPP boleh dilaksanakan secara dalam talian, manakala pembayaran secara tanpa tunai telah digunakan untuk 86 peratus transaksi dengan MBPP pada tahun 2023.

"Projek Transformasi Digital melalui pembangunan *SmiDat* atau *Smart Island Digital Twin* akan diperkasakan sehingga sempurna pada tahun 2025.

"Dua komponen penting *SmiDat* adalah pembangunan model maya bandar sebagai klon digital pada realiti *(Virtual City model)* serta pemasangan rangkaian fiber eksklusif sekeliling pulau, Pulau Pinang.

"Sehubungan ini, MBPP memberi sokongan penuh kepada Digital Nasional Berhad (DNB) dalam penyediaan rangkaian 5G yang dapat membantu (ke arah) merealisasikan potensi penuh Industri 4.0 yang sangat penting basgi Pulau Pinang," jelasnya sambil memberitahu bahawa kemudahan 5G dijangka mencapai liputan 90 peratus penduduk di sekitar bahagian pulau pada akhir tahun 2023 ini.

Di samping itu, Rajendran turut menyatakan bahawa pentadbirannya juga akan memperbaiki pelan-pelan berkaitan bagi mendepani perubahan iklim serta iisu malar segar peringkat MBPP.

Dalam sidang media selepas itu, menurut Rajendran, pentadbirannya akan memberi tumpuan kepada tiga perkara penting berlandaskan Visi Penang2030.

"Saya berhasrat untuk menjadikan bandar raya ini progresif, berdaya tahan dan (bandar raya) bahagia (kerana) ini selaras dengan ilham YAB Ketua Menteri (Kon Yeow) dalam Visi Penang2030," ujarnya dalam sidang media bersama-sama Kon Yeow dan Jagdeep.

Buletin Mutiara difahamkan Rajendran semasa berusia 23 tahun melaporkan diri untuk bertugas di Jabatan Kejuruteraan MBPP pada tahun 1986.

Selama 37 tahun berkhidmat dengan MBPP, Rajendran pernah menjadi Pengarah Kejuruteraan dan Setiausaha Bandaraya bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.



**IR. A. Rajenderan.**

# Projek Air Perak - Pulau Pinang bakal manfaatkan dua negeri

**GEORGE TOWN -** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) kini giat melaksanakan empat projek jangka pendek dan sederhana di bawah Pelan Tindakan Seberang Perai Selatan (PT SPS) 2023 sebagai penyelesaian sementara isu bekalan air di daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBAPP supaya menyelesaikan semua isu bekalan air di SPS pada kadar segera.

"Di bawah pelan tindakan tersebut (PT SPS 2023) sebanyak empat projek disenaraikan membabitkan kos berjumlah RM24.6 juta.

"Antara projek terlibat adalah pembangunan loji (berteknologi) pengapungan udara terlarut (DAF) baharu di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor dengan kapasiti 10 juta liter sehari (JLH); pembangunan tangki sedutan baharu di Rumah Pam Taman Widuri dan Taman Wellesley; LRA Kompak di Sungai Kerian (2.4 JLH) dan dua LRA 'mudah alih' di Taman Sungai Duri Indah (0.25JLH)," ujarnya pada sidang media di Komtar pada 22 Jun 2023.

Hadir sama, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; ADUN Jawi merangkap Ahli Lembaga Pengarah PBAPP, Jason H'ng Mooi Lye dan Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir. K. Pathmanathan.

Pada masa yang sama, jelas Kon Yeow, PBAPP turut membangunkan LRA Sungai Kerian (Fasa 1) yang mampu meningkatkan kapasiti sehingga 114 JLH bernilai RM171 juta.

"Bagi projek ini, kini pelantikan konsultan untuk reka bentuk loji sedang dilaksanakan dan diharap dapat disiap menjelang tahun 2027 atau lebih awal lagi.

"(Dan) Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk mendapatkan persetujuan negeri Perak bagi pelaksanaan Projek Air Perak - Pulau Pinang yang bakal memanfaatkan kedua-dua negeri," katanya.

Mengulas mengenai kenyataan Menteri Besar Perak bertarikh 12 Jun 2023 yang dilaporkan dalam laporan akhbar bertajuk 'Perak sedia bincang hasrat Pulau Pinang beli air terawat', Kon Yeow yang juga Pengerusi PBAPP mengalu-alukan kenyataan tersebut.

"Dalam kenyataan tersebut, beliau (Menteri Besar Perak) menyatakan bahawa pihaknya menerima surat daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dua bulan lalu dan sedia berunding mengenainya.

"Maka, tindakan susulan akan diambil bagi menyambung serta meneruskan rundingan antara dua negeri agar dapat merealisasikan Projek Air Perak - Pulau Pinang.

"(Dan) memandangkan Pilihan Raya Negeri (PRN) bakal diadakan dan Dewan Undangan Negeri bakal dibubar, maka urusan selanjutnya akan diteruskan pada peringkat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang," jelasnya sebagai respons terhadap pertanyaan wartawan di sini.

Menurut Kon Yeow, selain projek-projek yang dirancang oleh PBAPP dalam menyelesaikan isu pembekalan air untuk jangka masa panjang sehingga tahun 2050, pengguna di Pulau Pinang juga perlu menjimatkan penggunaan air.

"Kita (Kerajaan Negeri dan PBAPP) mahu melihat perubahan sikap pengguna (dalam penggunaan air), sekiranya pengguna boleh mengurangkan 10 hingga 20 peratus maka air dapat dijimatkan," sarannya.

Sementara itu, Pathmanathan ketika membentangkan mengenai projek-projek berkenaan, memberitahu bahawa empat projek di bawah PT SPS 2023 bakal memanfaatkan 18,242 pengguna air di SPS.

"Bagi projek LRA Bukit Panchor, ia dijangka siap pada Ogos 2023 ini manakala projek di Rumah Pam Taman Widuri dan Taman Wellesley pada Oktober 2023 disusuli dengan LRA Sungai Kerian pada Januari 2024.

"Bagi projek LRA mudah alih di Taman Sungai Duri Indah pula bakal disiapkan Jun 2023 dan November lalu (2022) PBAPP telah menyiapkan projek Rumah Pam sementara Permatang Tinggi bernilai RM840,000 untuk mengurangkan isu bekalan air di beberapa kawasan di SPS.

"(Dan) jika perlu, PBAPP akan memperuntukkan lebih banyak dana untuk lebih banyak projek interim di SPS pada tahun 2024 dan 2025 demi memenuhi keperluan pengguna air di SPS," jelasnya.

Ketika mengulas mengenai punca isu bekalan air di SPS terutama di Mukim 5, Pathmanathan memaklumkan bahawa kebergantungan terhadap satu sumber air serta pembangunan pesat yang tidak seiring dengan pembekalan air secara tidak langsung mengganggu perkhidmatan bekalan air di beberapa kawasan di SPS.

"Ada beberapa kawasan yang bertekanan rendah dan gangguan bekalan air terjadi apabila tiba musim perayaan.

"Maka, Kerajaan Negeri dan PBAPP giat mencari sumber air tambahan bagi menampung keperluan yang semakin meningkat di daerah tersebut," ulasnya.

## Kok Leong dan Yee Voon terima anugerah Olahragawan, Olahragawati

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BERTAM -** Atlet snuker, Lim Kok Leong dinobatkan sebagai Olahragawan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019-2022 manakala anugerah olahragawati dirangkul oleh atlet Karate-Kata, Khaw Yee Voon.

Anugerah berprestij berkaitan disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak sambil diiringi Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow bersama-sama Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee.

Kemenangan tersebut membolehkan kedua-dua atlet terbabit membawa pulang piala pusingan, piala iringan dan wang tunai bernilai RM4,000.

Kon Yeow pada majlis tersebut berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa komited menganjurkan program-program sukan berpestij dalam negeri atau negara dengan mempelbagaikan kejohanan serta mendukung segala usaha-usaha individu, persatuan sukan atau agensi sukan dalam melahirkan lebih ramai atlet tempatan bertaraf antarabangsa.

"Selaras dengan komitmen ini, Kerajaan Negeri melalui MSNPP juga akan terus melipatgandakan usaha serta memperkasakan lagi program-program pembangunan sukan negeri agar ia berada atas landasan yang tepat, sekaligus mencipta lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

"Kerajaan Negeri telah mempelbagaikan kemudahan sukan dan rekreasi yang mana sebanyak 92 projek dilaksanakan sama ada pembinaan fasiliti sukan baharu atau menaik taraf fasiliti sukan sedia ada seperti gelanggang futsal, bola keranjang, sepak takraw, trek jogging dan berbasikal, ini termasuk pembinaan taman rekreasi seperti WoodHaven Park, Bukit Mertajam dan juga Taman Areca, Sungai Pinang.

